



CONFERENCE PROCEEDING

ICITSBE 2012

**1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION
AND TECHNOLOGY FOR
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

16 -17 April 2012



Organized by:
Office of Research and Industrial
Community And Alumni Networking
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia
www.perak.uitm.edu.my

PAPER CODE: UP 02

POLA DAN PENYERAKAN MIGRASI DI NEGERI PERAK DARI 1980-2000 DAN PENELITIAN AWAL IMPLIKASINYA

Mohd Fadzil Abdul Rashid^a, Mohd Roswodi Mat Zin^b and Norhazlan Bin Haron^c

Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia

^a mohdf032@perak.uitm.edu.my, ^b mohdr710@perak.uitm.edu.my,

^c hazlan100@perak.uitm.edu.my

Abstrak

Migrasi dalaman merupakan satu fenomena spatial yang tidak boleh disekat seperti urbanisasi. Ini berikutan migrasi didorong oleh berbagai faktor sama ada dari aspek sosial, ekonomi dan fizikal bagi memenuhi keperluan hidup manusia. Tingkah laku migrasi ini amat signifikan untuk difahami. Ini kerana migrasi merupakan antara elemen penting yang menyumbangkan kepada perubahan struktur demografi, ruang dan ekonomi sesuatu kawasan sama ada di kawasan menghantar migrasi (origin) dan destinasi. Masalah yang sering dikaitkan dengan migrasi antaranya ialah kemiskinan bandar, kesesakan, masalah sosial, penurunan pertumbuhan penduduk di luar bandar, dan tanah pertanian terbiar kerana kurangnya tenaga kerja di luar bandar dan sebagainya. Kertas kerja ini mencuba menilai dan memahami pola dan penyerakan migrasi di Negeri Perak dan menjelaskan implikasi migrasi khususnya terhadap struktur demografi penduduk. Penilaian pola dan penyerakan migrasi adalah berasaskan kepada Model Komponen Berganda (MKB) mengguna pakai data migrasi daripada bancian penduduk dan perumahan 1980, 1991, dan 2000. Implikasi migrasi pula adalah berasaskan kepada tinjauan awal terhadap dua pekan kecil di Negeri Perak: Lambor Kanan dan Batu Gajah. Hasil analisis merumuskan bahawa pola dan penyerakan migrasi semasa (2000) di Negeri Perak lebih mudah difahami berbanding tahun 1980 dan 1991, dan migrasi kembali (return migration) dari bandar ke luar bandar di Negeri Perak sudah mula berlaku. Migrasi juga didapati mempengaruhi perubahan struktur demografi di kedua kawasan yang ditinjau seperti pengurangan jumlah isi rumah dan golongan umur bekerja (sumber manusia). Akhirnya, kertas kerja ini mencadangkan supaya suatu kajian lain lebih terperinci perlu dibuat bagi menilai implikasi migrasi terhadap perubahan struktur demografi dan ekonomi penduduk di kawasan luar bandar.

Kata Kunci: Migrasi dalaman, Fenomena spatial, Model Komponen Berganda (MKB), Implikasi migrasi

Abstract

Internal migration is one of the inevitable spatial phenomena in urban areas known as urbanisation. This is because migration influenced by multiple factors such as social, economic and physical in order to improve the quality of living. Moreover, migration contributes to changes in the demographic structure, spaces and economic for the origin and destination. Also, migration induced problems such as urban poverty, traffic congestions, social problems, and others are normally related to inadequate planning measures. This paper attempts to evaluate migration patterns and distributions in Perak State for years 1980, 1991, and 2000, and shows examples of the implications of migration on changes in the demographic structure in rural area where the data are obtained from census reports of multiple years. For the evaluation analysis, Multiplicative Component Model (MCM) is used. Meanwhile, the discussion on the implications of migration is based on the preliminary studies on two small towns in Perak State: Lambor Kanan and Batu Gajah. The results of the analyses found that the migration patterns and distributions in Perak State in the year 2000 are easier to be understood as compared to the years 1980 and 1991. In the year 2000, the return migration especially from rural-to-urban has occurred. Also, the results proved that the flows of out-migration have influenced the changes in the demographic structure for the both study areas: Lambor Kanan and Batu Gajah. Finally, this paper suggests that there is a need for further studies to look in details the implications of migration on changes in the demographic and economic structures of rural areas through implementing migration behavioural studies.

Keywords: Internal migration, spatial phenomenon, Multiplicative Component Model (MCM), migration implication.

1. Pengenalan

Migrasi dalam merupakan antara satu fenomena spatial yang dialami oleh seluruh negara di dunia. Fenomena ini berlaku dengan agak pesat di negara-negara yang sedang membangun. Ini berikutan migrasi adalah agen pembangunan yang penting yang menjana proses urbanisasi dan pertumbuhan penduduk bandar. Ada dikatakan bahawa tanpa migrasi sesebuah bandar itu tidak mampu untuk berkembang pesat (Guest, 1994; Rashid and Ghani, 2011). Ini secara langsung memberikan jawapan kenapa migrasi berlaku dengan pesat di negara-negara sedang membangun termasuk di Malaysia. Dari sudut lain, migrasi juga boleh menimbulkan implikasi negatif sama ada kepada kawasan menghantar (origin) mahupun kawasan menerima migrasi (destinasi) sekiranya ia tidak disokong oleh suatu perancangan atau persediaan yang sempurna (Yao *et al.* 2003; Skeldon, 2002; Rashid dan Ghani, 2007; 2011). Di kawasan luar bandar khususnya, migrasi boleh menyebabkan berkurangnya tenaga manusia dan menyumbang pula kepada penurunan pertumbuhan penduduk. Situasi ini didapati telah berlaku di beberapa pekan kecil di Malaysia termasuk di negeri Perak (lihat Harun *et al.* 2009). Bagaimanapun, setakat ini belum ada kajian secara empirikal untuk menjelaskan tersebut hal tersebut dengan lebih sah. Maka, tanpa ada pengetahuan yang jelas tentang pola migrasi dan implikasinya tentulah agak sukar untuk mengadakan suatu perancangan yang sempurna bagi menghadapi fenomena migrasi.

Kertas kerja ini mencuba untuk menilai dan memahami pola dan penyerakan migrasi di Negeri Perak dan menjelaskan implikasinya terutamanya terhadap struktur demografi penduduk. Analisis pola dan penyerakan adalah berasaskan kepada data migrasi daripada banci penduduk dan perumahan berbagai tahun, 1980, 1991 dan 2000 mengguna pakai Model Komponen Berganda (MKB). Implikasi migrasi terhadap perubahan struktur demografi penduduk pula adalah berasaskan kepada tinjauan awal di dua kawasan (pekan kecil) di negeri Perak: Lambor Kanan; dan Batu Gajah. Struktur penulisan kertas kerja ini dipecahkan kepada beberapa bahagian utama: kepentingan memahami pola migrasi; pengenalan kepada MKB, pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak dari 1980 hingga 2000; implikasi migrasi melalui tinjauan awal; dan perbincangan dan penutup.

2. Kepentingan Memahami Pola Migrasi

Rashid dan Ghani (2011) menjelaskan kepentingan migrasi khususnya terhadap proses pembuatan keputusan perancangan bersandarkan kepada dua aspek utama: sumbangan migrasi terhadap pertumbuhan bandar (ataupun implikasi positif migrasi), dan implikasi negatif migrasi. Dahulunya juga, sudah ada banyak pengkaji-pengkaji lain yang menyentuh tentang implikasi migrasi di bandar seperti Dang (2003), Yao *et al.* (2003), dan Chandra (2002) sehingga menunjukkan bahawa kajian migrasi begitu signifikan terutamanya dalam konteks pembangunan ekonomi dan ruangan bandar. Obudho (1994) pula menegaskan bahawa migrasi amat penting sebagai input kepada proses penggubalan polisi perancangan bandar. Maka, kepentingan kajian migrasi khususnya terhadap proses perancangan bandar adalah tidak boleh dinafikan. Ia tidak hanya terhad kepada proses perancangan di bandar-bandar besar tetapi kepentingannya juga mencakupi di dalam proses perancangan pembangunan di kawasan luar bandar, walaupun masih sedikit pengkaji yang memberi tumpuan terhadapnya.

Untuk memahami secara lebih jelas tentang kepentingan dan implikasi migrasi ini, adalah tidak dapat tidak perlu kepada kefahaman terhadap pola (bentuk) dan penyerakan migrasi. Ini kerana pola migrasi yang berlainan akan mencetuskan implikasi yang berbeza. Contohnya, pola migrasi luar bandar-ke-bandar dilihat memberi cabaran utama kepada sektor bandar untuk memenuhi keperluan migrasi berbanding dengan sektor luar bandar. Pada awal 1980-an contohnya, Metropolis Kuala Lumpur menghadapi situasi ini sehingga tercetus berbagai masalah seperti kemiskinan bandar dan setingan kerana sektor bandar tidak berupaya menyediakan untuk peluang pekerjaan dan perumahan kepada migran yang ramai. Sebaliknya pula, apabila wujudnya senario migrasi terbalik dari bandar-ke-luar bandar, cabaran dilihat lebih besar kepada sektor luar bandar terutama untuk menyediakan segala peluang pekerjaan dan kemudahan yang diperlukan. Bagaimanapun, jika situasi ini dihadapi dengan suatu perancangan yang sempurna, maka sudah tentu ia bakal memberikan perubahan positif kepada kawasan luar bandar. Implikasi positif yang boleh terhasil seperti pengaliran wang, idea, kemahiran, peningkatan pelaburan dan pengusahaan tanah-tanah pertanian yang lebih pesat (Afsar, 2003; Deshingkar, 2004). Sekiranya tidak, situasi migrasi terbalik ini mungkin tidak berterusan berlaku serta tidak mampu menyumbangkan apa-apa manfaat kepada pembangunan di luar bandar. Ini menunjukkan bahawa pola dan penyerakan migrasi amat penting untuk difahami secara lebih awal. Pola migrasi berasaskan kepada data yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Malaysia boleh dijadikan sebagai gambaran perspektif makro. Bagaimanapun, untuk mengadakan tindakan perancangan yang lebih komprehensif adalah perlu meneliti pola migrasi dalam konteks kawasan yang lebih kecil seperti sempadan mukim atau pekan kecil.

Contohnya negeri Perak berasaskan kepada bancian penduduk dan perumahan tahun 2000 adalah dicatatkan berlaku aliran keluar migrasi bersih iaitu -2.6%, sama dengan Kelantan dan Metropolis Kuala

Lumpur masing-masing -4.6% dan -7.2% (rujuk Malaysia, 2004). Oleh kerana data ini tidak digambarkan kepada suatu bentuk sempadan yang kecil (seperti mukim), maka tindakan perancangan ke arah mengatasi aliran keluar migrasi (daripada kawasan tertentu) tidak dapat dibuat secara lebih berkesan. Begitu juga, implikasi atau sebab-akibat migrasi juga sukar untuk ditangani kerana kefahaman tentangnya tidak diterjemahkan kepada ruang/kawasan yang jelas.

Secaranya umumnya, cabaran dan implikasi daripada migrasi lebih besar dihadapi oleh sektor bandar. Ini kerana tumpuan migrasi selalunya di bandar-bandar besar berbanding di kawasan luar bandar. Ini difahami adalah berasaskan kepada keputusan migrasi itu sendiri adalah didorong oleh sikap untuk mengubah kualiti kehidupan kepada yang lebih baik (lihat Rashid dan Ghani, 2007, 2011; Dang, 2003; Chandra, 2002; Skeldon, 1997). Bagaimanapun, kawasan luar bandar juga tidak boleh menepis implikasi negatif daripada migrasi ini. Satu contoh kajian di kawasan Felda di Malaysia oleh Agus dan Ibrahim (2003) mendapati bahawa implikasi migrasi khususnya luar bandar-ke-bandar menyebabkan rumah peneroka terbiar, tanah rancangan tidak diusahakan, menggaji buruh asing dan menjual tanah kepada orang luar. Situasi yang hampir sama dilaporkan dalam Laporan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (2010) iaitu wujudnya tanah yang terbiar dan tidak diusahakan di pekan kecil atau luar bandar kerana kekurangan tenaga kerja buruh dalam bidang pertanian. Begitu juga hasil daripada kajian-kajian lain di luar negara seperti oleh Yang (2004) mendapati bahawa migrasi buruh di China menyebabkan berkurangnya hasil pengeluaran pertanian. Walaupun berbagai implikasi negatif terhasil daripada migrasi, ia tetap bergantung kepada situasi dan tempat. Situasi dan tempat yang berbeza seharusnya akan mencetus implikasi migrasi yang berbeza. Oleh sebab itu, adalah tidak mudah untuk menjangkakan implikasi migrasi tanpa ada suatu kajian yang khusus. Tambahan pula, selain implikasi negatif, seperti dinyatakan di atas, migrasi juga menyumbang berbagai kesan baik yang mungkin tidak dijangkakan.

Maka, analisis pola dan penyerakan migrasi ini amat penting untuk membantu memahami senario dan tingkah laku semasa migrasi bagi menghadapi implikasi migrasi bersama jalan penyelesaiannya. Ini kerana migrasi bukan suatu keputusan tingkah laku yang biasa bahkan merupakan antara fenomena spatial yang perlu dihadapi secara berkesan. Implikasinya sama ada positif mahupun negatif akan melibatkan anggota masyarakat secara keseluruhannya. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan menjelaskan pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak secara makro berasaskan kepada data bancian penduduk dan perumahan tahun 1980, 1991, dan 2000 di samping merumuskan penemuan awal pola dan implikasi migrasi di dua pekan kecil di negeri Perak: Mukim Lambor Kanan dan Batu Gajah.

3. Pengenalan Kepada Model Komponen Berganda (MKB)

Secara umumnya, MKB adalah satu kaedah untuk mengukur dan menerangkan tahap interaksi ruang migrasi di antara sesuatu sempadan geografi (sama ada pekan kecil, bandar atau wilayah) (Raymer dan Roger, 2005), di mana aliran migrasi dipecahkan kepada empat komponen: (a) komponen aliran keseluruhan yang mewakili jumlah keseluruhan migrasi; (b) komponen aliran migrasi tempat asal (*origin*) mewakili ukuran relatif penolakan dari setiap bandar/wilayah; (c) komponen aliran destinasi, mewakili ukuran relatif penarikan ke setiap bandar/wilayah; dan (d) komponen aliran interaksi dua hala (*origin-destination interaction*) di antara kawasan bandar/ wilayah (tetapi tidak mewakili keseluruhan aliran migrasi). Lihat Jadual 1.

Jadual 1: Formula pengiraan MKB dan komponen
Sistem Migrasi

	<i>Formula</i>	
Model Komponen Berganda	$n_{ij} = T * O_i * D_j * OD_{ij}$...1
<u>Pecahan 4 Komponen:</u>		
Jumlah keseluruhan (a)	T	...2
Komponen origin (b)	O_i	...3
Komponen destinasi (c)	D_j	...4
Komponen interaksi origin-destinasi (d)	$OD_{ij} = n_{ij} / (T * O_i * D_j)$...5

di mana, n_{ij} ialah jumlah aliran migrasi asal dari bandar/ wilayah 'i' ke 'j', T ialah jumlah keseluruhan migran (Contohnya, n_{++}), O_i ialah proporsi jumlah migran yang keluar dari bandar/ wilayah 'i' (Contohnya, n_{i+}/n_{++}), D_j ialah proporsi jumlah yang masuk ke bandar/ wilayah j. (Contohnya, n_{+j}/n_{++}) dan OD_{ij} pula ialah tahap interaksi di antara bandar/ wilayah 'i' dan 'j' yang ditentukan dengan $n_{ij}/(T * O_i * D_j)$ ataupun nisbah jumlah migrasi asal (*observed flows*) dengan jumlah jangkakan migrasi (*expected flows*).

Kertas kerja ini akan memberikan tumpuan kepada hasil interaksi origin-destinasi (d) atau Formula 5, di mana tahap interaksi migrasi adalah diukur berasaskan nilai nisbah di antara aliran asal (*observed flows*) dan

nilai jangkaan (*expected flows*). Nilai nisbah yang tinggi menunjukkan tahap interaksi tinggi dan sebaliknya. Bagaimanapun, hasil-hasil analisis lain daripada model tersebut turut akan dibincangkan.

4. Pola Dan Penyerakan Migrasi Di Negeri Perak Dari 1980 Hingga 2000

Pola dan penyerakan migrasi yang akan dibincangkan adalah berasaskan kepada data bancian penduduk dan perumahan tahun 1980, 1991, dan 2000. Sehubungan itu, hasilnya hanya boleh menggambarkan pola dan penyerakan migrasi di antara daerah di negeri Perak dari perspektif makro.

4.1 Pengenalan Kepada Negeri Perak

Negeri Perak mempunyai keluasan 2.1 juta km² yang terdiri daripada 9 buah daerah: Batang Padang, Hilir Perak, Kerian (termasuk Selama), Kinta, Kuala Kangsar, Larut Matang; Manjung, Perak Tengah dan Ulu Perak. Pecahan sempadan daerah ditunjukkan pada Rajah 1. Bandar-bandar utama di negeri Perak termasuklah Ipoh (Ibu Negeri Perak) dan Kampar di daerah Kinta; Taiping di daerah Larut Matang; Kuala Kangsar di daerah Kuala Kangsar; Lumut-Seri Manjung di daerah Manjung; Seri Iskandar di daerah Perak Tengah; Teluk Intan di daerah Hilir Perak; dan Tangjung Malim di daerah Batang Padang.



Rajah 1: Taburan daerah-daerah di negeri Perak

Tahun 2000, penduduk negeri Perak mencatatkan 2 juta dengan tahap urbanisasi 59.5% iaitu agak rendah berbanding tahap urbanisasi Malaysia sebanyak 61.8%. Hasil bancian tahun 2010 menunjukkan penduduk di negeri Perak telah mencapai 2.3 juta dengan kadar purata pertumbuhan tahun dari 2000-2010 sebanyak 1.35%. Kadar ini lebih kurang setara dengan negeri Perlis, Terengganu dan Pahang. Pertumbuhan penduduk di pekan-pekan kecil di negeri Perak pula menunjukkan berlakunya pertumbuhan negatif (-). Senario ini didapati berlaku disemua daerah di negeri Perak (Harun *et al.* 2009) khususnya berasaskan data banci tahun 1991-2000. Antara pekan-pekan kecil yang mengalami pertumbuhan penduduk menurun seperti Bidor dan Trolak di daerah Batang Padang; Beruas dan Pekan Gurney di daerah Manjung; Pusing di daerah Kinta; dan Lambor Kanan di daerah Perak Tengah. Kertas kerja ini tidak mencuba untuk menyentuh isu ini secara terperinci tetapi hanya memfokus

kepada pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak. Bagaimanapun, isu pertumbuhan penduduk menurun dijangkakan ada kaitannya dengan migrasi.

4.2 Data Matrik Migrasi

Data matrik migrasi (di antara daerah) yang ditunjukkan pada Jadual 2 adalah dibangunkan berasaskan kepada data bancian penduduk dan perumahan tahun 1980, 1991 dan 2000. Data migrasi daripada bancian terkini tahun 2010 belum diterbitkan. Sehubungan itu, analisis pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak hanya berasaskan data migrasi 1980 hingga 2000.

Jadual 2: Data matrik migrasi di antara daerah negeri Perak, 1980, 1991 dan 2000

Destinasi Origim	Data Matrik Migrasi (1980)											Total (Out)
	BP	MJ	KT	KR	KK	LM	HP	UP	PT	SL	KL	
BP	-	229	2,698	155	394	592	1,529	304	321	4,034	7,157	17,413
MJ	497	-	1,776	327	971	1,328	554	225	869	1,569	3,254	11,370
KT	2,435	911	-	521	2,186	1,883	1,611	1,146	1,599	6,543	26,094	44,929
KR	2,211	1,027	1,560	-	885	5,753	543	566	1,478	4,170	3,056	21,249
KK	787	505	4,533	497	-	2,011	349	1,264	621	2,844	5,186	18,597
LM	1,596	815	3,010	2,493	1,836	-	419	1,414	517	3,865	8,891	24,856
HP	3,296	594	3,291	346	472	605	-	161	1,812	9,506	9,322	29,405
UP	442	243	1,258	328	1,105	860	159	-	175	629	1,366	6,565
PT	869	871	5,182	199	968	507	2,432	283	-	3,826	3,233	18,370
SL	877	1,034	261	1,065	1,195	4,452	66	725	970	-	-	10,645
KL	679	334	3,270	240	686	1,692	608	439	350	-	-	8,298
Total (In)	13,689	6,563	26,839	6,171	10,698	19,683	8,270	6,527	8,712	36,986	67,559	211,697
Destinasi Origim	Data Matrik Migrasi (1991)											Total (Out)
	BP	MJ	KT	KR	KK	LM	HP	UP	PT	SL	KL	
BP	-	369	3,336	282	379	520	1,055	207	370	5,891	1,930	14,339
MJ	405	-	2,609	345	450	1,285	613	454	979	3,232	1,632	12,004
KT	2,136	1,442	-	663	2,248	2,666	1,346	863	1,605	11,292	6,815	31,076
KR	943	375	1,344	-	387	2,594	270	728	220	2,135	960	9,956
KK	327	496	4,460	249	-	1,524	221	783	326	3,000	1,350	12,736
LM	698	913	3,523	1,548	1,107	-	341	807	340	5,311	2,889	17,477
HP	2,054	909	3,069	199	357	590	-	272	2,709	8,611	2,440	21,210
UP	318	214	2,032	236	931	807	91	-	172	965	533	6,299
PT	192	601	2,997	125	282	316	599	122	-	1,354	527	7,115
SL	1,971	1,182	3,771	641	960	1,768	2,651	404	907	-	-	14,255
KL	1,127	1,176	4,913	733	995	2,658	1,174	427	641	-	-	13,844
Total (In)	10,171	7,677	32,054	5,021	8,096	14,728	8,361	5,067	8,269	41,791	19,076	160,311
Destinasi Origim	Data Matrik Migrasi (2000)											Total (Out)
	BP	MJ	KT	KR	KK	LM	HP	UP	PT	SL	KL	
BP	-	262	1,976	76	146	285	421	121	157	4,142	907	8,493
MJ	149	-	1,742	113	249	583	270	96	419	2,531	1,158	7,310
KT	875	1,164	-	302	1,063	1,713	592	586	781	10,861	4,140	22,077
KR	111	288	770	-	163	798	65	96	91	1,388	481	4,251
KK	135	364	2,776	123	-	364	114	479	136	1,888	649	7,028
LM	216	720	2,384	724	398	-	167	261	164	4,204	1,705	10,943
HP	427	527	1,764	141	74	298	-	82	355	4,740	1,043	9,451
UP	123	153	1,114	81	284	314	46	-	86	827	317	3,345
PT	86	495	1,478	56	85	123	188	57	-	679	145	3,392
SL	1,700	1,530	4,285	480	688	1,125	1,345	274	1,058	-	-	12,485
KL	764	1,419	4,650	379	638	1,546	620	243	552	-	-	10,811
Total (In)	4,586	6,922	22,939	2,475	3,788	7,149	3,828	2,295	3,799	31,260	10,545	99,586

Nota: (-) data tidak diambil kira; Jumlah keseluruhan keluar-masuk migrasi bagi setiap daerah juga tidak termasuk jumlah migrasi dari tempat tinggal yang tidak diketahui.

BP=Batang Padang; MJ=Manjung; KT=Kinta; KR=Kerian; KK=Kuala Kangsar; LM=Larut Matang; HP=Hilir Perak; UP=Ulu Perak; PT=Perak Tengah; SL=Selangor; KL=WP Kuala Lumpur.

Merujuk Jadual 2, selain dari membangun data matrik migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak, telah dibangunkan juga data matrik migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WP Kuala Lumpur). Kedua negeri tersebut dipilih kerana didapati hubungan migrasi di antara negeri Perak dan kedua negeri tersebut adalah sangat signifikan. Pada tahun 2000, contohnya, penduduk negeri Perak melakukan migrasi sebanyak 41,272 dan 14,323 masing-masing ke negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur (Malaysia, 2004). Jumlah aliran keluar migrasi ini adalah masing-masing pertama dan kedua tertinggi pada tahun tersebut. Bagaimanapun, migrasi keluar-masuk dari Selangor ke WP Kuala Lumpur tidak diambil kira.

4.3 Analisis dan Keputusan

Hasil pengiraan MKB berasaskan kepada data matrik migrasi (Jadual 2) adalah ditunjukkan pada Jadual 3. Bagi menjelaskan keputusan analisis pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak secara lebih terperinci, perbincangan ini dipecahkan kepada 2 bahagian utama: tren aliran migrasi dan interaksi origin-destinasi.

Jadual 3: Keputusan interaksi origin-destinasi di negeri Perak, 1980 hingga 2000


Destinasi Origim	Tahap Interaksi Di Antara Migrasi Origin-Destinasi (1980)											% (O)
	BP	MJ	KT	KR	KK	LM	HP	UP	PT	SL	KL	
BP	-	0.90	2.60	0.65	0.95	0.78	4.78	1.20	0.95	2.82	2.74	8.23
MJ	1.44	-	2.62	2.10	3.59	2.67	2.65	1.36	3.95	1.68	1.91	5.37
KT	1.78	1.39	-	0.85	2.05	0.96	1.95	1.76	1.84	1.77	3.87	21.22
KR	3.42	3.31	1.23	-	1.75	6.19	1.39	1.84	3.59	2.39	0.96	10.04
KK	1.39	1.86	4.09	1.95	-	2.47	1.02	4.69	1.72	1.86	1.86	8.78
LM	2.11	2.25	2.03	7.31	3.11	-	0.92	3.92	1.07	1.89	2.38	11.74
HP	3.68	1.39	1.88	0.86	0.68	0.47	-	0.38	3.18	3.93	2.11	13.89
UP	2.21	2.54	3.21	3.64	7.08	3.00	1.32	-	1.38	1.17	1.39	3.10
PT	1.56	3.25	4.73	0.79	2.22	0.63	7.20	1.06	-	2.53	1.17	8.68
SL	2.71	6.66	0.41	7.30	4.72	9.56	0.34	4.70	4.71	-	-	5.03
KL	2.69	2.76	6.61	2.11	3.48	4.66	3.99	3.65	2.18	-	-	3.92
% (D)	6.47	3.10	12.68	2.92	5.05	9.30	3.91	3.08	4.12	17.47	31.91	100.00
D-O	-1.76	-2.27	-8.54	-7.12	-3.73	-2.44	-9.98	-0.02	-4.56	12.44	27.99	
T												211,697
Destinasi Origim	Tahap Interaksi Di Antara Migrasi Origin-Destinasi (1991)											% (O)
	BP	MJ	KT	KR	KK	LM	HP	UP	PT	SL	KL	
BP	-	0.87	1.87	1.01	0.84	0.64	2.27	0.74	0.81	2.54	1.82	8.94
MJ	0.86	-	1.75	1.48	1.19	1.88	1.58	1.93	2.55	1.66	1.84	7.49
KT	1.74	1.56	-	1.10	2.31	1.50	1.34	1.41	1.61	2.24	2.97	19.38
KR	2.40	1.27	1.09	-	1.24	4.57	0.84	3.72	0.69	1.32	1.30	6.21
KK	0.65	1.31	2.82	1.00	-	2.10	0.54	3.13	0.80	1.45	1.43	7.94
LM	1.01	1.76	1.62	4.55	2.02	-	0.60	2.35	0.61	1.88	2.24	10.90
HP	2.46	1.44	1.16	0.48	0.54	0.49	-	0.65	3.99	2.51	1.56	13.23
UP	1.28	1.14	2.60	1.93	4.71	2.24	0.45	-	0.85	0.95	1.14	3.93
PT	0.68	2.84	3.39	0.90	1.26	0.78	2.60	0.87	-	1.18	1.00	4.44
SL	3.51	2.79	2.13	2.31	2.15	2.17	5.74	1.44	1.99	-	-	8.89
KL	2.07	2.86	2.86	2.72	2.29	3.36	2.62	1.57	1.45	-	-	8.64
% (D)	6.34	4.79	19.99	3.13	5.05	9.19	5.22	3.16	5.16	26.07	11.90	100.00
D-O	-2.6	-2.7	0.61	-3.08	-2.89	-1.71	-8.01	-0.77	0.72	17.18	3.26	
T												160,311
Destinasi Origim	Tahap Interaksi Di Antara Migrasi Origin-Destinasi (2000)											% (O)
	BP	MJ	KT	KR	KK	LM	HP	UP	PT	SL	KL	
BP	-	0.44	1.01	0.36	0.45	0.47	1.29	0.62	0.48	1.55	1.01	8.53
MJ	0.44	-	1.03	0.62	0.90	1.11	0.96	0.57	1.50	1.10	1.50	7.34
KT	0.86	0.76	-	0.55	1.27	1.08	0.70	1.15	0.93	1.57	1.77	22.17
KR	0.57	0.97	0.79	-	1.01	2.61	0.40	0.98	0.56	1.04	1.07	4.27
KK	0.42	0.75	1.71	0.70	-	0.72	0.42	2.96	0.51	0.86	0.87	7.06
LM	0.43	0.95	0.95	2.66	0.96	-	0.40	1.03	0.39	1.22	1.47	10.99
HP	0.98	0.80	0.81	0.60	0.21	0.44	-	0.38	0.98	1.60	1.04	9.49
UP	0.80	0.66	1.45	0.97	2.23	1.31	0.36	-	0.67	0.79	0.89	3.36
PT	0.55	2.10	1.89	0.66	0.66	0.51	1.44	0.73	-	0.64	0.40	3.41
SL	2.96	1.76	1.49	1.55	1.45	1.26	2.80	0.95	2.22	-	-	12.54
KL	1.53	1.89	1.87	1.41	1.55	1.99	1.49	0.98	1.34	-	-	10.86
% (D)	4.61	6.95	23.03	2.49	3.80	7.18	3.84	2.30	3.81	31.39	10.59	100.00
D-O	-3.92	-0.39	0.86	-1.78	-3.26	-3.18	-5.65	-1.06	0.40	18.85	-0.27	
T												99,586

Nota: BP=Batang Padang; MJ=Manjung; KT=Kinta; KR=Kerian; KK=Kuala Kangsar; LM=Larut Matang; HP=Hilir Perak; UP=Ulu Perak; PT=Perak Tengah; SL=Selangor; KL=WP Kuala Lumpur.

(a) Tren aliran migrasi

Merujuk Jadual 3, jumlah aliran migrasi keseluruhan migrasi (dilihat kepada nilai T) di negeri Perak adalah menurun secara berterusan dari 1980 hingga 2000. Peratusan purata penurunan tahunan dari tahun 1980-1991 dan 1991-2000 masing-masing sebanyak -2.2% dan -4.2%. Ini menunjukkan bahawa kadar aliran migrasi di negeri Perak semakin berkurangan. Situasi secara tidak langsung memberi tanda-tanda bahawa berlakunya perubahan yang baik dari segi kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikal di negeri Perak. Ini berikutan keputusan migrasi ada kaitannya peluang-peluang ekonomi dan kemajuan fizikal. Dalam tempoh tersebut, daerah-daerah di negeri Perak yang menunjukkan perkembangan ekonomi dan fizikal yang baik ialah daerah Kinta, Perak Tengah dan Manjung. Ini adalah dinilai berasaskan kepada peratusan aliran migrasi bersih yang

semakin meningkat. Daerah Kinta contohnya, mencatatkan bermula dengan wujudnya aliran keluar migrasi bersih (-8.54%) pada tahun 1980, berubah kepada kenaikan peratusan aliran masuk migrasi bersih iaitu 0.61% (1991) kepada 0.86% (2000). Begitu juga dengan daerah Perak Tengah. Dari segi pembangunan semasa pun diketahui bahawa kedua daerah ini sedang rancak membangun terutamanya Bandaraya Ipoh, Kampar dan Batu Gajah di daerah Kinta; dan di daerah Perak Tengah pula wujudnya Bandar Seri Iskandar yang dikenali sebagai bandar ilmu (dengan adanya institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi MARA (Perak), Universiti Teknologi Petronas). Pada tahun 2000, daerah Manjung masih lagi mengalami aliran keluar migrasi bersih tetapi peratusannya didapati berkurangan secara mendadak dari -2.7% (1991) kepada -0.39% (2000). Tren aliran migrasi bersih bagi daerah-daerah lain di negeri Perak (termasuk negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur) ditunjukkan pada Rajah 1. Hubungan migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak dan negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur dibincangkan pada keputusan interaksi origin-destinasi.



Rajah 1: Tren aliran migrasi bersih (D-O) di antara daerah-daerah di negeri Perak


(b) *Interaksi Origin-Destinasi*

Dari segi interaksi origin-destinasi (ataupun penyerakan migrasi) di antara daerah-daerah di negeri Perak, didapati pola dan penyerakannya dari tahun 1980 hingga 2000 semakin mudah difahami. Penemuan ini adalah berasaskan kepada nilai origin-destinasi (OD) > 1.5 yang ditunjukkan pada Jadual 3. Nilai OD melebihi 1.5 ada ditandakan. Pada tahun 1980, didapati interaksi migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak amat dinamik dan sukar difahami kerana hampir keseluruhan daerah mempunyai tahap interaksi migrasi yang tinggi.

Pada tahun 1991, interaksi migrasi di antara daerah sudah mulai berkurangan dan nilai OD juga didapati semakin berkurangan. Contohnya, interaksi Kuala Kangsar – Kinta dari nilai 4.08 (1980) menurun kepada 2.82 (1991). Bagaimanapun, penyerakannya masih sukar untuk difahami kerana bentuk interaksinya tidak konsisten. Pada masa ini, tahap interaksi migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak dengan Selangor dan WP Kuala Lumpur semakin menurun.

Pada tahun 2000, didapati interaksi migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak semakin berkurangan sehingga sebahagian kecil sahaja yang mempunyai interaksi migrasi. Selain itu, nilai OD juga didapati semakin menurun. Daripada jumlah tersebut, didapati sebahagian besar interaksi migrasi berlaku di antara daerah-daerah yang bersempadan. Ini seperti interaksi migrasi di antara daerah Kuala Kangsar – Kinta – Ulu Perak; Ulu Perak – Kinta – Kuala Kangsar; Perak Tengah – Manjung – Kinta; Manjung – Perak Tengah; Kerian – Larut Matang; dan Larut Matang – Kerian. Ini menunjukkan interaksi (penyerakan) migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak lebih mudah difahami. Ia boleh diilustrasikan seperti Rajah 2. Pada masa yang sama, interaksi migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak dengan Selangor dan WP Kuala Lumpur juga semakin berkurangan. Terdapat 5 daerah sahaja yang mempunyai interaksi migrasi dengan Selangor atau WP Kuala Lumpur iaitu Batang Padang, Manjung, Kinta, Larut Matang dan Hilir Perak dengan nilai OD yang semakin menurun. Kedudukan daerah-daerah ini seperti Batang Padang, Hilir Perak dan Manjung adalah sangat hampir dengan Selangor dan WP Kuala Lumpur. Interaksi migrasi di antara Kinta – Selangor – WP Kuala Lumpur masih kekal dari tahun 1980 hingga 2000. Begitu juga Larut Matang – WP Kuala Lumpur. Keadaan ini menjelaskan bahawa Selangor dan WP Kuala Lumpur merupakan antara kawasan tumpuan migrasi khususnya

pola migrasi bandar-ke-bandar. Ini kerana fungsinya yang bertumpu menawarkan aktiviti perkhidmatan moden daripada perdagangan, peretailan, perhotelan, kewangan, pengkomputeran, penghantaran, perkapalan dan agensi perkhidmatan profesional (rujuk Rostam, 2007).



Rajah 2: Ilustrasi interaksi migrasi di antara daerah-daerah di negeri Perak, Selangor dan WP Kuala Lumpur tahun 2000

Selain itu, amat menarik juga untuk diperhatikan bahawa interaksi migrasi di antara Selangor dan WP Kuala Lumpur dengan daerah-daerah di negeri Perak berlaku secara konsisten dari tahun 1980 hingga 2000. Daerah-daerah yang berterusan menerima aliran masuk migrasi dari Selangor ialah Batang Padang, Perak Tengah dan Hilir Perak dengan nilai >2.0. Daerah Manjung, Kerian, dan Kuala Kangsar turut menerima migrasi daripada Selangor. Manakala interaksi dengan WP Kuala Lumpur pula ialah Batang Padang, Manjung, Kinta, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Hilir Perak. Keadaan ini menunjukkan adanya tanda-tanda berlaku migrasi kembali (*return migration*) di daerah-daerah tersebut. Sekiranya situasi tersebut berlaku secara berterusan, ia bakal memberikan implikasi positif khususnya terhadap perkembangan ekonomi dan fizikal atau urbanisasi di daerah-daerah tersebut. Bagaimanapun, seperti yang dibincangkan di atas, migrasi perlulah dihadapi dan bersedia dengan suatu perancangan yang lebih berkesan supaya ia berterusan berlaku tanpa implikasi yang negatif.

5. Pola Dan Implikasi Migrasi Di Pekan Kecil Melalui Tinjauan Awal

Berasaskan kepada kajian awalan dibuat terhadap dua pekan kecil (mukim) di negeri Perak: Mukim Lambor Kanan dan Mukim Batu gajah, penemuannya dirumuskan kepada 2 aspek utama iaitu pola dan implikasi migrasi. Aspek kajian soal selidik tidak melibatkan ciri-ciri sosioekonomi yang lengkap kerana ia hanya bersifat kajian awalan.

5.1 Penemuan Awal di Mukim Lambor Kanan

Sebanyak 97 sampel atau responden yang terlibat di dalam kajian soal selidik di Mukim Lambor Kanan. Sebahagian besar responden adalah ketua keluarga (57.73%) dan selebihnya adalah terdiri daripada isteri (suri rumah) dan anak-anak. Pemilihan sampel dibuat berasaskan kepada teknik persampelan bukan kebarangkalian iaitu *convenience* (persampelan cara mudah). Maka, hasil analisis hanya boleh mewakili bilangan responden dan ahli isi rumah yang disoal selidik sahaja.

(a) *Pola migrasi*

Didapati hampir separuh daripada jumlah ahli isi rumah dicatatkan telah melakukan migrasi (43.63%). Sebahagian besarnya melakukan migrasi keluar dari negeri Perak (25.70%) khususnya ke Kuala Lumpur dan Selangor. Diikuti migrasi keluar di daerah lain di negeri Perak (9.50%) dan 8.42% migrasi keluar ke mukim lain tetapi dalam daerah yang sama iaitu Perak Tengah. Lihat Jadual 4.


Jadual 4: Pola migrasi ahli isi rumah di Mukim Lambor Kanan

Pola/Bentuk migrasi	Jumlah	%
Daerah sama	39	8.42
Daerah lain di negeri Perak	44	9.50
Negeri lain	119	25.70
Jumlah Kecil	203	43.63
Tidak migrasi	261	56.37
Jumlah Keseluruhan	464	100.00

(b) *Implikasi migrasi terhadap struktur demografi Penduduk*

Terkesan daripada migrasi keluar menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara terhadap struktur umur penduduk yang menjadi sampel kajian. Golongan terbesar yang melakukan migrasi keluar adalah terdiri daripada golongan muda dari peringkat umur 15-39 tahun dengan kadar peratusan lebih 50% bagi setiap struktur (kumpulan) umur seperti 15-19, 20-24, 25-29, 30-34 dan 35-39. Ia melibatkan kedua kategori gender iaitu lelaki dan perempuan dengan kadar peratusan yang hampir setara (rujuk Rajah 3).

Situasi ini menunjukkan migrasi telah membawa keluar sumber tenaga penduduk yang terdiri daripada ahli intelektual, profesional dan seumpamanya ke kawasan lain yang menawarkan peluang pekerjaan serta peluang-peluang lain yang lebih baik. Maka, sudah pasti ia bakal menimbulkan implikasi lanjutan yang kurang baik kepada masyarakat tempatan, dan mengubah struktur ekonomi penduduk. Tinjauan awal mendapati adalah tidak ramai daripada golongan yang berhijrah keluar menghantar wang ke kampung halaman khususnya kepada ahli keluarga. Dengan sebab itu, sebahagian besar responden tidak bersetuju sekiranya migrasi keluar ini berlaku secara berterusan.



Rajah 3: Perubahan struktur umur kesan migrasi: (a) struktur umur tanpa migrasi, dan (b) struktur umur dengan migrasi

5.2 *Penemuan Awal di Mukim Batu Gajah*

Sebanyak 100 sampel atau responden yang terlibat di dalam kajian soal selidik di Batu Gajah. Sebahagian besar responden adalah ketua keluarga (72.00%) dan selebihnya adalah terdiri daripada isteri (suri rumah) dan anak-

anak. Pemilihan sampel dibuat berasaskan kepada teknik persampelan bukan kebarangkalian iaitu *convenience* (persampelan cara mudah). Maka, hasil analisis hanya boleh mewakili bilangan responden dan ahli isi rumah yang disoal selidik sahaja.

(a) *Pola migrasi*

Didapati lebih separuh daripada jumlah ahli isi rumah dicatatkan telah melakukan migrasi (51.38%). Sebahagian besarnya melakukan migrasi keluar dari negeri Perak (43.975) khususnya ke Kuala Lumpur dan Selangor. Diikuti migrasi keluar di daerah lain di negeri Perak (4.99%) dan 2.42% migrasi keluar ke mukim lain tanpa melepasi sempadan daerah (Batu Gajah). Lihat Jadual 5.

Jadual 5: Pola migrasi ahli isi rumah di Batu Gajah

Pola/Bentuk migrasi	Jumlah	%
Daerah sama	11	2.42
Daerah lain di negeri Perak	23	4.99
Negeri lain	199	43.97
Jumlah Kecil	233	51.38
Tidak migrasi	220	48.62
Jumlah Keseluruhan	453	100.00

(b) *Implikasi migrasi terhadap struktur demografi penduduk*

Didapati kumpulan umur terbesar yang melakukan migrasi keluar ialah dari 20-24 tahun (38.4%), dan diikuti kumpulan umur 25-29 (17.64%). Seterusnya dari kumpulan umur 40-44 dan 45-49 tahun sebanyak 7.80%. Situasi ini menunjukkan hampir sama dengan Mukim Lambor Kanan iaitu terdiri daripada golongan muda dan sumber manusia penduduk. Maka, sebab dan implikasi migrasi adalah dijangkakan sama di antara kedua pekan kecil tersebut.

6. Perbincangan Dan Penutup

Kertas kerja ini telah membincangkan dengan jelas tentang tren dan pola penyerakan migrasi di negeri Perak dari tahun 1980 hingga 2000 berasaskan kepada MKB. Kedapatan bahawa pola penyerakan migrasi di negeri Perak semakin mudah difahami di mana migrasi lebih bertumpu di kawasan-kawasan bersempadan, dan Kuala Lumpur dan Selangor masih menjadi destinasi utama penduduk dari beberapa daerah-daerah di negeri Perak. Lebih menarik, didapati bahawa wujudnya migrasi kembali dari Selangor dan WP Kuala Lumpur ke daerah-daerah di negeri Perak seperti ke daerah Perak Tengah, Hilir Perak, Batang Padang dan Kinta. Situasi ini bakal menyumbang impak positif kepada pembangunan ekonomi dan fizikal di daerah tersebut. Selain itu, kertas kerja ini turut membincangkan implikasi migrasi terhadap struktur umur penduduk di pekan kecil. Didapati bahawa hampir sebahagian besar golongan muda atau umur bekerja (kumpulan-kumpulan umur dari 20-49 tahun) melakukan migrasi keluar tidak mengira jenis gender. Ia berlaku di kedua pekan kecil yang ditinjau: Mukim Lambor Kanan dan Batu Gajah. Sekiranya senario ini berlaku berterusan tanpa disusuli oleh suatu tindakan yang munasabah sudah tentu ia bakal mencetuskan berbagai implikasi negatif kepada penduduk setempat dan pekan kecil itu sendiri. Bagaimanapun, penemuan ini hanyalah berbentuk awalan dan tidak melibatkan kajian yang terperinci terhadap ciri-ciri demografi dan sosioekonomi penduduk. Melihat kepada penemuan ini secara keseluruhannya, maka adalah amat perlu kepada kajian lanjutan yang lebih terperinci tentang pola dan fenomena migrasi khususnya di luar bandar. Setakat ini tidak ramai pengkaji yang bertumpu ke kawasan ini luar bandar khususnya mengguna pakai kaedah tingkah laku migrasi sehingga menemukan keputusan sebab akibat migrasi.

Rujukan

- Afsar, R. (2003). Dynamics of poverty, development and population mobility: The Bangladesh case. Ad Hoc Expert Group Meeting on Migration and Development. Bangkok.
- Agus, M.R dan Ibrahim, Y. (2003). Penilaian Dampak Sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Chandra, D. (2002). Socio-demographic and economic characteristics of migrant heads of households and the consequences of their migration in Fiji, 1992-1993. *Asia-Pacific Population Journal*, 17(1): 55-78.
- Dang, N. A. (2003). "Internal Migration Policies in the ESCAP Region. *Asia-Pacific Population Journal*, 18(3): 27-40.
- Deshingkar, P. (2004). Understanding the implications of migration for pro-poor agricultural growth. Paper prepared for the DAC POVNET Agricultural Task Group Meeting, Helsinki, 17-18 Mac 2004.

- Gubhaju, B., Seetharam, K. S., and Huguet, J. W. (2001). Demographic dynamics in the ESCAP region: implications for sustainable development and poverty. *Asia-Pacific Population*, 16(1): 45-66.
- Guest, P. (1994). The impact of population change on the growth of Mega-Cities. *Asia-Pacific Population Journal*, 9(1): 37-56.
- Harun, S.N., Taharim, J. dan Jalil, R.A. (2009). Laporan Teknikal Kajian Profil Pekan-Pekan Kecil Negeri Perak. Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah UiTM (Perak) dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak. Malaysia (1983). Population and Housing Census of Malaysia 1980. General Report of the Population Census. Volume 2. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia
- Malaysia (1995). Population and Housing Census of Malaysia 1991. General Report of the Population Census. Volume 2. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- Malaysia (2001). Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2001-2020. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan.
- Malaysia (2004). Population and Housing Census of Malaysia 2000. Migration and Population Distribution. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- Malaysia (2010). Laporan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Malaysia.
- Obudho, R. A. (1994). Population distribution in Africa: Urbanization under weak economic conditions. Paper presented at the Population distribution and migration, Cairo.
- Rashid, M.F.A dan Ghani, I.A. (2007). Migrasi dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur. Dibentangkan di *PKPPM*, USM, Pulau Pinang.
- Rashid, M.F.A. (2011). Dimensi Baru Bagi Kajian Migrasi Dalam Di Malaysia: Permodelan Penyerakan Ruang Migrasi. Dibentangkan di Syarahan Akademia 1 Universiti Teknologi MARA (Perak) pada 18 Mac 2011, UiTM (Perak).
- Rashid, M.F.A. dan Ghani, I.A. (2011). The importance of internal migration in urban planning process: The case study of Klang Valley. *International Journal of Social Planning and Development*. 1(1):1-12.
- Raymer, J., & Rogers, A. (2005). Using age and spatial flow structures in the indirect estimation of migration streams. United Kingdom: University of Southampton.
- Rostam, K (2006). Migrasi Keluar Dari Dalam Wilayah Metropolitan: Bukti di Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang, Malaysia. *UKM-UNHAS*, Ujung Padang, Indonesia.
- Rostam, K. (2007). Transformasi Desa-Bandar di Pinggiran Wilayah Metropolitan: Beberapa Bukti di Sekitar Dengkil, Malaysia. Dibentangkan di *PKPPM*, USM, Pulau Pinang.
- Skeldon, R. (1997). Rural-to-urban migration and its implications for poverty alleviation. *Asia-Pacific Population*, 12(1): 3-16.
- Skeldon, R. (2002). Migration and Poverty. *Asia-Pacific Population*, 17(4): 67-82.
- Xuejun, Z. (2000). Voice of the Urban Poor. Report on *Participatory Urban Poverty Analysis in Beijing*, Center for Integrated Agricultural Development (CIAD).
- Yang, L. (2004). Rural labour migration in China and its impacts on rural households in essays on the determinants and consequences of internal migration. Unpublished PhD thesis, Department of Economics, University of Chicago.
- Yao, S., Zhang, Z., & Hanmer, L. (2003). Growing inequality and poverty in China. *China Economic Review*, 15, 145-163